

DBKL hanya mampu beri amaran, teguran

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) hanya mampu memberi amaran dan teguran kepada peniaga atau penjaja warga asing kerana tiada kuasa menahan mereka.

Pengarah Jabatan Penguatkuasaan DBKL Noor Azman Mahlin berkata, DBKL tiada kuasa mengawal kehadiran dan pergerakan warga asing di lokasi tumpuan di ibu negara kerana tindakan terbabit adalah tanggungjawab agensi sepatutnya.

“Tindakan penguatkuasaan yang dilakukan DBKL hanya berpujukan kepada pemantauan secara harian serta tindakan ke atas aduan orang awam.

“Sekiranya, hasil ser-

buan atau tindakan membabitkan penjaja warga asing, maka barang sitaan tidak boleh dituntut dan akan dilupuskan mengikut prosedur,” katanya ketika ditemui di Menara Penguat Kuasa DBKL, di sini, kelmarin.

Beliau berkata, tindakan diambil hanya berdasarkan bidang kuasa penguat kuasa DBKL yang terhad kepada sitaan dan mengeluarkan notis kompaun kepada peniaga atau penjaja termasuk warga asing.

“Beberapa siri operasi dilaksanakan Jabatan Penguatkuasaan DBKL hanya mengambil tindakan mengikut bidang kuasa dan sekiranya ada tindakan lanjut, itu adalah tugas

agensi lain seperti agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN).

“Walaupun beberapa serbuan membabitkan sita barangan dan notis kompaun dilaksanakan, mereka akan senyap sementara sebelum kembali semula.

“Ketika serbuan dilakukan selalunya pemilik premis atau pekerja warga asing yang tahu mereka bersalah akan meninggalkan barang perniagaan dan kami hanya tinggal sita barangan mereka,” katanya.



“
DBKL tiada
kuasa mengawal
kehadiran dan
pergerakan
warga asing
Noor Azman